

33

SOALAN NO. 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 27 MAC 2018(SELASA)

SOALAN :

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan
bagi pengukuhan institusi keluarga serta penyelesaian masalah kadar
penceraian yang semakin tinggi di dalam negara.

24

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa prihatin dalam usaha mengukuhkan institusi kekeluargaan dan mencari penyelesaian bagi mengurangkan kadar penceraian sama ada dari segi dasar dan perundangan termasuk melaksanakan program pencegahan dan intervensi.

Justeru, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan dan melaksanakan pelbagai program pengukuhan institusi keluarga melibatkan siri kursus keibubapaan dan pemantapan institusi perkahwinan di seluruh Negara.

Di antara program/aktiviti/modul yang telah dibangunkan dan dilaksanakan oleh LPPKN bagi memantapkan institusi kekeluargaan dan perkahwinan adalah :

- 25
- (i) Program Keluarga@Kerjaya (Parenting@work) khusus untuk ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor awam dan swasta sejak tahun 2007. Matlamat utama adalah untuk memberi kemahiran dalam mengimbangi antara tanggungjawab kerja dengan keluarga (*worklife balance*) sebagai ibu bapa dan pekerja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah cara gaya keibubapaan kreatif dan **pengurusan konflik** khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran ibu bapa dalam menangani situasi berisiko. Sejak tahun 2007 hingga Oktober 2017, sejumlah 877 program telah dilaksanakan oleh LPPKN dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melibatkan penyertaan seramai 32,847 orang ibu bapa daripada sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan agensi Kerajaan.
- (ii) Siri kursus IlmuKeluarga@LPPKN yang diadakan setiap bulan di setiap Negeri kepada masyarakat umum. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2017, sejumlah 13,894 program telah diadakan dengan 1,616,261 penyertaan. Pelaksanaan siri kursus ini berasaskan kepada pakej Modul KASIH dan mengandungi tiga (3) aspek keibubapaan iaitu:

- keibubapaan anak kecil;
- keibubapaan anak remaja; dan
- kebapaan (*fatherhood*).

Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti atau singkatannya (*Family and Community Empowerment, FACE*). Program pemantapan komuniti menerusi berkolaborasi dengan agensi lain termasuk NGO yang memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti. Di peringkat permulaan, program ini akan dilaksanakan di 18 komuniti terpilih bagi pengukuhan institusi keluarga serta penyelesaian masalah kadar penceraian yang semakin tinggi di dalam negara.

Tuan Yang Dipertua,

Program FACE bermatlamat memperkasa komuniti untuk mengukuhkan kesejahteraan institusi keluarga melalui objektif berikut:

- i. Mengenal pasti keperluan setempat dan tahap kesejahteraan keluarga di kawasan terpilih berdasarkan kepada skor Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK);

- 27
- ii. Memperkasa mekanisme sosial dalam komuniti sedia ada dengan tanggungjawab sebagai '*Family Champion*' berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga; dan
 - iii. Mengenal pasti program intervensi untuk meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga.

Mengambil model dan rangka program FACE, pelbagai kursus pemantapan keluarga seperti SMARTSTART, Parenting@Work, IlmuKeluarga@LPPKN dan program PEKERTI turut dilaksanakan kepada komuniti sasaran tersebut demi memastikan institusi keluarga kekal kukuh. Kementerian melalui LPPKN juga akan berkolaborasi dengan agensi lain termasuk NGO bagi melaksanakan inisiatif untuk menangani isu sosial remaja dan penceraian.

Tuan Yang Dipertua,

Program *SMARTSTART* telah dijalankan kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin (umur perkahwinan 5 tahun dan ke bawah) sejak tahun 2006 bagi mengukuhkan hubungan suami isteri yang memberi penekanan kepada aspek "**Alam Keibubapaan**" dan "**Menangani Tekanan dan Konflik**". Bermula tahun 2006 hingga Oktober 2017, sejumlah 625 program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan

Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan agama. Program ini telah memberi manfaat kepada 24,800 orang.

Bagi mengatasi konflik dan meningkatkan kemahiran pengurusan rumah tangga yang lebih berkesan, LPPKN telah melaksanakan kursus IlmuKeluarga@LPPKN yang diadakan secara bulanan di setiap negeri kepada masyarakat umum. Sejak tahun 2006 hingga Oktober 2017, sejumlah 13,739 kursus telah diadakan yang berjaya menarik penyertaan seramai 1,586,518 orang peserta. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang mengambil kira kitaran hidup dan merangkumi aspek keibubapaan di tahap anak kecil, remaja, keibubapaan dan pemantapan perkahwinan.

LPPKN juga menyediakan perkhidmatan kaunseling rumah tangga, individu, kelompok dan lain-lain bagi membantu peserta mengurus stres dan mempelajari kemahiran menyelesaikan cabaran kekeluargaan demi kesejahteraan diri dan keluarga. Sejak tahun 2006 sehingga Oktober 2017, sebanyak 48,779 sesi telah dijalankan kepada 115,377 klien.